

12 MAY 2002

Mahathir-Bush/I

DR MAHATHIR TIBA DI WASHINGTON ISNIN UNTUK LAWATAN RASMI

Oleh: Jaafar Hussin dan E.Sivabalan

WASHINGTON, 12 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tiba di sini pada Isnin untuk lawatan rasmi selama empat hari, atas jemputan Presiden George W.Bush, mempunyai jadual ketat di sini.

Ia adalah lawatan pertama Dr Mahathir ke White House sejak 1994, ketika itu menemui presiden Bill Clinton.

Para diplomat menyifatkan lawatan itu sebagai "permulaan untuk era baru" dalam hubungan Malaysia-Amerika Syarikat.

Hubungan dua hala sebelum ini terjejas apabila naib presiden Amerika Syarikat Al Gore menyuarakan sokongannya kepada demonstrasi anti kerajaan semasa berucap pada jamuan sempena mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Kuala Lumpur pada 1998.

Hubungan Amerika Syarikat-Malaysia bertambah baik selepas serangan ke atas Amerika Syarikat pada 11 Sept apabila Washington memuji Malaysia di atas kerjasama negara itu dalam usaha memerangi keganasan.

Ekoran kejayaan Bush pada pemilihan presiden Amerika Syarikat, Dr Mahathir dipetik sebagai berkata bahawa beliau memberitahu duta besar Amerika Syarikat ke Malaysia Lynn Pascoe beliau mahu mencergaskan hubungan dengan Amerika dan meminimumkan salah faham.

Sebahagian besar pemerintahan Dr Mahathir, tahap hubungan kerja dua hala lebih erat daripada retorik, kata para diplomat.

"Lawatan Dr Mahathir ke Amerika Syarikat minggu depan merupakan satu langkah ke hadapan yang besar dalam hubungan dua hala," kata seorang diplomat.

Selain menemui Bush, Dr Mahathir dijadual mengadakan rundingan dengan beberapa pegawai penting dalam pentadbiran Bush, termasuk Setiausaha Negara Collin Powell dan Setiausaha Pertahanan Donald Rumsfeld.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan, dijadual menemui Pengerusi Lembaga Simpanan Persekutuan Alan Greenspan.

Seorang diplomat berkata selain hubungan dua hala dan kerjasama ekonomi, Dr Mahathir dan Bush dijangka membincangkan isu-isu seperti keganasan antarabangsa dan konflik Asia Barat (Timur Tengah).

Dr Mahathir baru-baru ini berkata bahawa beliau akan membincangkan masalah Palestin dengan Bush selepas Menteri Luar Palestin Faruq Qaddumi meminta perdana menteri menyuarakan masalah mereka kepada Bush.

Para pemerhati berkata kali ini, Dr Mahathir sebagai pengerusi Pergerakan Negara Berkecuali (NAM), mempunyai "kuasa untuk berunding di White House" bagi mendapatkan perhatian Amerika syarikat yang merupakan sekutu kuat Israel.

Dr Mahathir dan Bush telah membincangkan keadaan huru-hara di Asia Barat ketika pertama kali bertemu di Shanghai, China pada acara sampingan mesyuarat Apec Oktober lepas.

Seorang pegawai tadbir kanan White House memberitahu taklimat media selepas pertemuan Mahathir-Bush meeting di Shanghai itu bahawa Bush mengadakan "pertemuan mesra selama 15 minit" dengan Dr Mahathir.

Pegawai itu berkata Bush kali pertama bercakap dengan Dr Mahathir pada awal Oktober apabila Presiden itu membuat panggilan telefon kepada Dr Mahathir selepas kejadian 11 Sept.

Para diplomat yang bercakap dengan Bernama yakin bahawa Dr Mahathir akan memaklumkan kepada Bush mengenai pentingnya resolusi konflik Asia Barat bagi menangani keganasan bagi tempoh jangka panjang.

Jumlah perdagangan antara Malaysia dan Amerika Syarikat bernilai

US\$29.6 bilion tahun lepas. Malaysia adalah rakan dagang ke-11 terbesar Amerika Syarikat dan pasaran eksport ke-17 terbesar.

Tahun lepas, esport Malaysia ke Amerika berjumlah US\$17.9 bilion manakala import dari Amerika berjumlah US\$11.8 bilion.

Pelaburan Amerika di Malaysia dari 1996-2000 berjumlah US\$6 bilion manakala dari 2000-2001, sebanyak US\$2.9 bilion.

-- BERNAMA

JH ES LAT